



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**  
**Ministry of Agriculture and Food Security**  
Wisma Tani  
No 28, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62624 PUTRAJAYA,  
MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000  
No. Faks : 03-8888 6020  
Laman Web : [www.kpk.gov.my](http://www.kpk.gov.my)

## SIARAN MEDIA

**PERSIDANGAN FOOD AND AGRICULTURE ORGANIZATION (FAO) SESI KE-43 OLEH  
YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN DI ROM, ITALI PADA 2  
HINGGA 5 JULAI 2023; DAN**

**LAWATAN KERJA YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN KE  
HUNGARY PADA 6 HINGGA 8 JULAI 2023.**

**PUTRAJAYA, 2 JULAI 2023** - Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad bin Sabu, akan mengetuai delegasi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi lawatan kerja ke Rom, Itali dan Budapest, Hungary bermula hari ini sehingga 8 Julai 2023.

Semasa di Rom, Itali, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan menghadiri Sidang Pleno Persidangan Food and Agriculture Organization (FAO) Ke-43 yang merupakan platform bagi setiap ketua delegasi menyampaikan kenyataan negara (*country statement*) di bawah agenda *Review of the State of Food and Agriculture*. Tema bagi agenda pada tahun ini ialah “*Water resources management for the four betters: better production, better nutrition, better environment and better life, to achieve Agenda 2030 and the Sustainable Development Goals*”.

Dalam tempoh Persidangan FAO ini, Mohamad akan mengadakan pertemuan dan mesyuarat dua hala ke atas rakan sejawat, TYT Francesco Lollobrigida, Menteri Pertanian, Kedaulatan Makanan dan Perhutanan, Itali. Mesyuarat ini bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama dalam sektor pertanian termasuk kerjasama ekonomi, pelaburan dan teknikal. Pertemuan ini juga akan digunakan sebagai peluang untuk meneroka akses pasaran baharu bagi produk pertanian negara dalam usaha meningkatkan keseimbangan perdagangan hasil pertanian antara kedua-dua negara.

Selain itu, pertemuan bersama TYT Dr. Qu Dongyu, Ketua Pengarah FAO juga akan diadakan bagi perbincangan mengenai isu berkaitan bidang pertanian dan keterjaminan makanan serta nutrisi global di samping mengukuhkan kerjasama strategik antara Malaysia dan FAO dalam pelbagai sektor berkaitan pertanian.

Lawatan kerja ini diteruskan ke Budapest, Hungary pada 6 Julai 2023 bagi mesyuarat dua hala dengan TYT István Nagy, Menteri Pertanian Hungary dan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang pertanian kedua-dua negara.

Pemeteraian MoU ini akan mengukuhkan hubungan dan kerjasama dalam bidang pertanian, meningkatkan kemahiran teknikal dan kepakaran pegawai, memudahkan cara akses pasaran produk pertanian Malaysia ke Hungary serta membolehkan kedua-dua negara merangka program-program kerjasama baharu yang bersesuaian.

Mohamad turut dijemput untuk menyampaikan ucap tama di Majlis Penganugerahan Program Doktor Falsafah di Hungarian University of Agriculture and Life Sciences (MATE).

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**  
**2 JULAI 2023**